

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM GAPENA - ESSO

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 APR 1987

MASA:

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, serta salam bahagia.

Yang Berusaha Prof. Ismail Hussein,
Ketua Satu GAPENA;

Yang Berusaha Encik Gerald Cox,
Pengerusi Esso Malaysia;

Ahli-ahli Jawatankuasa GAPENA;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis malam ini kerana sudi menjemput saya ke Majlis ini. Saya merasa gembira kerana dapat hadir bersama-sama dengan para penulis dan sasterawan tanahair yang telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan sastera dan budaya negara. Saya juga difahamkan bahawa GAPENA akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilannya esok. Kepada saudara-saudari sekalian, saya mengucapkan selamat bersidang dan berharap semoga mesyuarat saudara-saudari akan membenihkan idea-idea yang boleh memperkayakan lagi bahasa, kesusasteraan dan budaya negara kita.

2. Saya berbangga kerana dapat bersama-sama di majlis penyampaian hadiah sastera Esso-GAPENA malam ini. Tahniah saya ucapkan kepada kedua-dua pihak penganjur, iaitu GAPENA dan Esso, yang diharapkan dapat meneruskan usaha yang sangat bermakna ini.

Saudara-saudari sekalian,

3. Selaras dengan usaha-usaha memperbanyakkan karya sastera dengan kerjasama rapat firma-firma swasta, saya yakin banyak lagi firma-firma swasta yang dapat memberi sumbangan ke arah memperkayakan bahan-bahan bacaan dan buku-buku dalam Bahasa Malaysia. Pada hari ini kita telah mendapati beberapa firma swasta yang bergabung dengan badan-badan bahasa atau badan-badan penulis seperti GAPENA untuk menganjurkan pertandingan sastera seperti novel, cerita pendek dan puisi. Saya mengucapkan tahniah kepada firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan ini yang telah berusaha mewujudkan karya-karya sastera yang bermutu.

4. Walau bagaimanapun, kita masih kekurangan bahan bacaan atau buku-buku Bahasa Malaysia dalam berbagai bidang ilmu

pengetahuan seperti sains dan teknologi, perubatan, ekonomi, kaji bumi dan sebagainya. Walaupun bahan-bahan bacaan dalam bahasa Malaysia dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan semakin hari semakin bertambah, tetapi masih banyak lagi yang boleh kita usahakan supaya kita dapat menimba kesemua sumber pengetahuan dan pelajaran dalam bidang-bidang itu melalui Bahasa Malaysia.

5. Rangka kerjasama firma-firma dan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan mungkin dapat diperluaskan kepada bidang buku-buku ilmu pengetahuan. Di sini firma-firma yang terlibat dalam pengeluaran dan pemasaran sesuatu barangan mungkin dapat menaja penulisan dan penterjemahan buku-buku ilmu pengetahuan dalam Bahasa Malaysia yang sedikit sebanyak ada berkaitan dengan barangan keluaran mereka. Misalnya, firma yang mengeluarkan barangan makanan mungkin dapat menaja penulisan yang mendalam yang berkaitan dengan bidang pemakanan atau nutrition. Kajian dan penulisan yang dimaksudkan ialah mengenai perkara-perkara yang terbaru bagi sesuatu bidang itu.

6. Seperti yang kita maklum pasaran untuk buku-buku ilmu pengetahuan, pada amnya, adalah terhad dan sekiranya tiada galakan atau penajaan, perkembangan buku-buku ilmu pengetahuan ini mungkin tidak memuaskan dan tidak mendapat sambutan. Penajaan kewangan dari firma-firma akan dapat membantu para penulis untuk menghasilkan karya-karya mereka. Dalam hal ini, adalah diharapkan bahawa firma-firma besar di negara ini akan menimbangkan kemungkinan bekerjasama dalam usaha-usaha memperbanyakkan bahan-bahan dan buku-buku berbagai bidang ilmu pengetahuan ini. Usaha-usaha begini sudah tentu akan mendaulatkan lagi Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, perpaduan dan ilmiah di negara kita dan juga di rantau Asia Tenggara ini.

7. Pada hemat saya usaha-usaha yang sebegini akan membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam bidang-bidang kebudayaan, termasuklah bidang bahasa ini. Ini akan merupakan sebahagian daripada sumbangan pihak swasta kepada perkembangan dan kemajuan masyarakat sekelilingnya. Justeru itu kegiatan sedemikian akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dalam mempertingkatkan perkembangan ilmiah.

Saudara-saudari sekalian,

8. Sepertimana kita sedia maklum, semakin hari semakin terbukti bahawa Bahasa Malaysia berjaya menjadi bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara kita. Walaupun terdapat pertimbangan-pertimbangan yang sewajarnya bagi bahasa-bahasa lain di negara kita, Kerajaan berbangga dengan terdapatnya kesedaran di kalangan rakyat negara ini tentang pentingnya mendaulatkan satu bahasa kebangsaan. Walaupun Bahasa Kebangsaan telah mampu menjadi bahasa ilmiah, namun demikian kita masih lagi mendengar suara-suara daripada pihak-pihak tertentu yang masih lagi menyoal tentang kemampuan Bahasa Kebangsaan. Mereka ini merupakan kumpulan kecil yang tidak

mahu menerima realiti. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia akan tetap didaulatkan.

Saudara-saudari sekalian,

9. Saya juga ingin memberikan sedikit pendapat saya mengenai sastera keseluruhannya. Pada pendapat saya, para sasterawan haruslah juga berusaha dengan lebih lagi bagi menyemaikan nilai-nilai yang murni, dinamis dan positif oleh kerana nilai-nilai ini keseluruhannya akan membentuk watak yang kita cita-citakan. Dengan membenihi dan membajai nilai-nilai murni, dinamis dan positif ini, maka watak yang positiflah yang akan lahir. Salah satu kumpulan yang berpengaruh dalam hal ini ialah saudara-saudari sekalian. Saya percaya para sasterawan tidak akan menghampakan harapan kita bersama.

10. Walaupun terdapat perkembangan yang menggalakkan dalam usaha-usaha ini, masih banyak lagi kelemahan yang harus kita atasi. Para sasterawan boleh membantu mewujudkan satu masyarakat yang mampu menghadapi persaingan ekonomi dan sosial serta persaingan politik, terutama di peringkat antarabangsa. Kita perlukan sebuah masyarakat yang mempunyai kesanggupan menghadapi hidup yang kian mencabar. Selain daripada itu, saya yakin kita semua inginkan kepada masyarakat yang sanggup mengenali dan mengatasi kelemahan-kelemahan diri sendiri. Dengan wujudnya masyarakat yang sedemikian, saya percaya berbagai cabaran yang dihadapi dapat diatasi, insya-Allah.

11. Malaysia memerlukan rakyat yang mempunyai kesedaran nasional dan semangat patriotisme yang tinggi. Kita memerlukan warganegara yang cintakan negara dan yang tidak akan melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian negara. Kita memerlukan warganegara yang berdisiplin, berdedikasi dan beramanah tinggi. Lebih-lebih lagi, kita memerlukan warganegara yang sentiasa bangga bahawa dia adalah rakyat Malaysia.

12. Saya sedar bahawa hasrat ini bukan mudah dicapai dan akan memakan masa yang panjang. Namun demikian, kita mesti berusaha dengan bersungguh-sungguh oleh kerana hasrat ini adalah mulia dan murni. Saya yakin para sasterawan juga mempunyai cita-cita yang tinggi. Dari itu marilah kita bersama -- para sasterawan, para penulis, ahli-ahli politik, pemimpin masyarakat dan semua golongan -- berusaha ke arah membina sebuah masyarakat Malaysia yang berdisiplin, dinamis dan yang dihormati. Insya-Allah kita akan berjaya akhirnya walaupun melampaui umur sebahagian daripada kita.

Saudara-saudari,

13. Pada 31hb. Ogos ini kita akan menyambut Ulangtahun ke-30 kemerdekaan negara. Saya berbangga oleh kerana GAPENA menggunakan kesempatan di upacara ini untuk memulakan perayaan ulangtahun ke-30 kemerdekaan negara kita. Jika

kita merenung kembali, dalam jangkamasa 30 tahun ini, Malaysia telah mencapai kemajuan yang pesat dalam berbagai bidang. Kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hasil daripada usaha gigih kita sendiri memupuk perpaduan, mengekalkan kestabilan politik serta memajukan ekonomi negara. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menentukan kemerdekaan kita ini terus kekal dan bermakna.

14. Sumbangan para penulis dan sasterawan kepada perjuangan mencapai kemerdekaan tercatat dengan tinta emas. Masyarakat keseluruhannya merakamkan setinggi penghargaan terhadap perjuangan dan pengorbanan mereka di dalam membela nasib bangsa dan negara. Saya merasa gembira kerana pada Majlis malam ini, terdapat sebilangan daripada para pejuang kemerdekaan yang masih terus memberikan sumbangan mereka terhadap pembangunan tanahair. Dalam hal ini, saya percaya bahawa saudara-saudari para pejuang kemerdekaan akan terus menyumbangkan khidmat bakti demi meningkatkan lagi maruah bangsa dan negara.

Saudara-saudari sekalian,

15. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya ke majlis permai ini. Saya mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang hadiah sastera Esso-GAPENA dan juga kepada semua para penulis dan sasterawan yang telah mengambil bahagian menjayakan Majlis ini. Dengan adanya semangat ingin meningkatkan lagi mutu karya dan sastera ini, saya yakin ia akan mendorong kepada peningkatan pencapaian kita dalam bidang sastera dan kebudayaan.

16. Saya juga berterima kasih kerana diberi penghormatan untuk melancarkan buku 'Pertemuan Dunia Melayu '82', terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka yang merupakan kumpulan kertas kerja 'Pertemuan Dunia Melayu' yang diadakan di Melaka pada tahun 1982. Dengan ini saya dengan bangganya melancarkan buku 'Pertemuan Dunia Melayu '82' ini. Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, serta salam bahagia.